

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER KKDW 2025

PADA:

4 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

8.30 PAGI

LOKASI:

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KKDW

Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Esok genap tiga tahun saya menjejakkan kaki ke pintu Kementerian ini. Tiga tahun melangkah masuk dengan satu tekad bahawa desa mesti dimajukan, rakyat luar bandar mesti diangkat, dan kementerian ini mesti menjadi nadi kemakmuran negara.

2. Saya masih ingat hari pertama itu; hadir bersama seribu fikiran, ada keresahan, ada harapan, ada tekad dan cita-cita bermain di minda. Saya menulis, mencatat dan menyusun bagaimana desa boleh menjadi lebih baik, dan bagaimana Kementerian ini boleh bergerak lebih baik daripada sebelumnya.

3. Hari ini apabila saya menoleh ke belakang, melihat langkah dan perjalanan KKDW, saya berdiri dengan rasa bangga. Kerana KKDW tidak lagi hanya mengurus

pembangunan - kita **memaknai kemajuan**. Kita tidak lagi sekadar membina projek - kita **membina ekosistem kehidupan**. Kita tidak lagi terikat pada rutin — kita **menggerakkan revolusi minda dan budaya kerja demi suatu anjakan**.

4. Anjakan ini bukan hanya saya yang merasainya; rakan-rakan di Kementerian Kewangan juga melihat denyut langkah kita. Sebab itu peruntukan kita meningkat tahun demi tahun - **dari RM11.04 bilion, RM11.55 bilion, 11.96 bilion dan tahun hadapan RM12.04 bilion**. Ini bukan angka biasa, tetapi tanda keyakinan bahawa KKDW sedang mara ke hadapan dan semakin diyakini rakyat.

5. Lebih penting, **rakyat melihat KKDW sebagai pendamping sejati.** Daripada anak kecil di tabika KEMAS hingga anak orang Asli yang menjejak kaki ke universiti; daripada rumah gelap yang kini diterangi lampu jalan kampung hingga jalan tanah merah yang kini menjadi jalan perhubungan desa.

6. Daripada bekalan air yang dulu putus-putus hingga aliran yang kini lebih teratur. Daripada mencipta usahawan hingga melahirkan jutawan. Daripada pelajar cemerlang akademik hingga lahirnya generasi yang seimbang duniawi dan ukhrawi.

7. Inilah impian yang saya bawa sejak hari pertama saya melangkah masuk ke KKDW. Dan hari ini, saya bersyukur kerana perjalanan kita bukan perjalanan biasa tetapi perjalanan yang kita akan terus bina bersama. *As the saying goes, "We rise higher when we rise together."*

DARI DASAR KE IMPAK MELALUI SISTEM DAN STRUKTUR YANG KUKUH

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Dalam tempoh tiga tahun saya memimpin KKDW, banyak perubahan berlaku dan ramai yang telah bertukar ganti. KSU bertukar, TKSU bertukar, SUB juga bertukar. Ada yang dahulu SUB saya, hari ini sudah menjadi TKSU saya. Malah, ada yang dahulu SUSK saya… kini menjadi KSU yang memimpin kementerian ini dengan penuh wibawa walaupun penuh pancaroba.

9. Ya, kita boleh nak simpan hasrat, tetapi mestilah disusuli dengan kerja kuat, amanah dan keikhlasan. Insya-Allah, suatu hari nanti, ramai di dalam dewan ini akan menjadi pemimpin yang membawa KKDW jauh lebih hebat.

10. Saya sentiasa percaya: ***"no matter who leads, the system has to be right first."*** Kalau sistem itu betul,

siapa pun yang memegang jawatan, sistem itu akan terus bergerak. Yang berubah hanyalah pemandunya; mesinnya tetap mantap, hala tujunya tetap jelas.

11. KKDW ini ibarat sebuah kapal besar yang dibina dengan rangka yang kukuh dan kompas hala tuju yang tepat. Dalam kapal sebegini, kapten boleh bertukar, tetapi kapal tetap menuju destinasi — **asalkan semua kru memahami arah, disiplin dan tanggungjawab masing-masing**.

12. Sebab itu dalam tiga tahun ini, apabila saya menyebut ***quick wins****,* ia telah menjadi **refleks kerja.** Apabila saya menyebut ***Game Changers****,* seluruh warga KKDW berusaha mencari **pembaharuan.** Dan apabila saya menyebut ***follow up, follow through***, ia bukan lagi arahan — ia telah menjadi **DNA kementerian ini**.

13. Alhamdulillah, hari ini saya berdiri dengan penuh kesyukuran kerana budaya ini bukan lagi idea saya, tetapi sudah menjadi **budaya kita bersama**. Dan kerana budaya inilah, kita berjaya mengangkat wajah baharu pembangunan desa.

14. Tahun ini, **42 Game Changers KKDW** mencapai kadar pelaksanaan **lebih 95%**. Pendekatan **cross-functional** memecahkan tembok silo, manakala Kementerian, agensi

dan semua Lembaga Kemajuan Wilayah telah bergerak jauh lebih strategik dan tersusun.

15. Idea-idea baharu seperti **Desa Kirana, IKONDESA, Tadika Tunas Istimewa, Smart Classroom@KEMAS, Ekon-expert,** bukan lagi sekadar projek - ia telah membentuk gerakan besar - gerakan sosial, gerakan ekonomi, dan gerakan minda desa yang lebih moden dan progresif.

16. Dalam ekonomi desa, MARA, FELCRA dan RISDA melahirkan **7,000 usahawan baharu**, menjana **15,000 peluang pekerjaan** dan mencatat nilai jualan lebih **RM1.77 bilion**. Produk desa tidak lagi berlegar di kampung; **ia kini menembusi pasaran global**.

17. Melalui MIHAS@Shanghai, kita mencatat rekod baharu - **lebih RM3.2 bilion transaksi**, membuktikan produk desa Malaysia semakin mendapat tempat di mata dunia.

18. Dalam pembangunan insan pula, Program Pra-Tahfiz KEMAS melahirkan **52,000 huffaz cilik**, manakala TVET MARA dan TVET Teknopreneur telah melahirkan lebih **800,000 pelajar berkemahiran**. Kadar kebolehpasaran KKDW masih kekal melebihi **96%**, melepasi angka nasional.

19. Di bawah JAKOA, **495 pelajar Orang Asli** kini menjejak kaki ke universiti, angka tertinggi dalam sejarah pentadbiran Kerajaan.

20. Dari segi infrastruktur, sehingga suku ketiga tahun ini kita telah membina dan **menaiktaraf 310km Jalan Perhubungan Desa dan 157km Jalan Luar Bandar**. Kita juga berjaya membekalkan Bekalan Elektrik Luar Bandar kepada **343 rumah** dan Bekalan Air Luar Bandar kepada **3,566 rumah**, termasuklah melaksanakan **277 projek** di bawah Program Ameniti Sosial.

21. Selain itu, sepanjang tempoh RMK-12, kita telah membina **16,805 unit Lampu Jalan Kampung**, termasuk lampu LED dan solar LED. Kita turut berjaya merealisasikan **85% komuniti desa terlibat aktif** dalam inisiatif pendigitalan.

22. Dari sudut kewangan, FELCRA mencatat agihan keuntungan interim setakat ini sebanyak RM208juta dengan kenaikan sebanyak RM78.12juta berbanding tempoh yang sama tahun 2024. RISDA mengekalkan prestasi kukuh dengan **RM70 juta**, manakala MARA Corp dan LKW terus memperkukuh pelaburan-pelaburan berimpak tinggi bagi menjana ekonomi masyarakat desa.

23. Penyusunan semula hala tuju melalui penubuhan **HLC Pembangunan Desa** pula telah meletakkan KKDW sebagai ***centre of excellence*** dalam pembangunan luar bandar bukan sekadar di peringkat nasional, tetapi di peringkat serantau.

MEMBINA BUDAYA NILAI, KEBERANIAN & TANGGUNGJAWAB BAHARU KKDW

Hadirin dan hadirat sekalian,

24. Dalam dunia hari ini, segala yang kita lakukan akhirnya kembali kepada dua perkara: **nilai** dan **persepsi**. Nilai menentukan siapa kita; persepsi menentukan bagaimana kita diingati. Bila kita bekerja dengan ikhlas, akan ada yang menghargainya. Tetapi akan sentiasa ada yang menunggu saat kita tersilap. Itulah realiti kepimpinan dan itulah sebabnya **keberanian** atau *courage* menjadi asas setiap langkah kita.

Courage to change.
Courage to improve.
Courage to do what is right, even when it is not popular.

25. Tugas kita di KKDW bukan sekadar mengurus dokumen; **kita mengurus kehidupan**. Setiap keputusan kita ada manusia di hujungnya - keluarga, anak-anak, masa depan. Sebab itu saya sering mengingatkan: ***"Routine is comfort. Revolution is courage."***

26. Untuk memilih keberanian, kita mesti berani keluar daripada zon selesa. Desa hari ini semakin kompleks dan menuntut kita untuk bergerak lebih pantas daripada dulu. *We need to always be ready.*

27. Tahun 2026 bakal membawa ujian baharu, fasa baharu dan peluang baharu untuk KKDW membina budaya kerja yang lebih bernilai dan lebih berimpak - kita mesti memahami dua bentuk tanggungjawab yang menjadi denyut nadi organisasi kita:

    i. **Pertama: Tanggungjawab Sosial (Social Responsibility) -** Rakyat mesti **merasai** peranan kita. Rakyat tidak menilai laporan sahaja; mereka menilai **hasil**. ***Outcome over output.***

    ii. **Kedua: Tanggungjawab Korporat (Corporate Responsibility)** MARA, RISDA, FELCRA, JAKOA dan LKW bukan sekadar agensi – anda adalah **pemacu ekonomi desa**. Fokus perlu diselaras,

mesti mencapai keuntungan, melaksanakan mandat penubuhan, memastikan operasi telus dan mencapai sasaran strategik yang telah ditetapkan.

28. Untuk menyeimbangkan kedua-dua tanggungjawab ini, KKDW perlu menghayati **tiga budaya kerja baharu** - budaya yang InsyaAllah akan menjadi tulang belakang penyampaian kita:

i. **Pertama: *Responsiveness* -** budaya tindak balas pantas. *No delay culture.* Masalah mesti dicegah sebelum menjadi krisis.
ii. **Kedua: *One-Ministry Mindset* -** Kita tidak boleh bergerak sebagai jabatan dan agensi yang terpisah. Kita mesti bergerak sebagai **satu sistem, satu pasukan, satu tujuan**.
iii. **Ketiga: *Excellence in Delivery*.** Tidak memadai hanya dengan kerja siap; kita mahu kerja yang **tepat, berkualiti, berimpak** dan yang paling penting **hasil yang sampai kepada rakyat**.

29. Percayalah, setiap kerja yang kita lakukan mesti hadir dengan **nilai yang benar-benar dirasai rakyat**. Kejayaan bukan hanya perlu dilaksanakan, tetapi juga **diangkat,**

dikongsikan dan diwar-warkan, supaya rakyat tahu apa yang telah kita perjuangkan.

30. Sebagai contoh, kita telah membina dan membaik pulih lebih 10,000 unit rumah PPRS tahun ini, **melibatkan perbelanjaan lebih RM364.45 juta ringgit,** memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 40,000 isi rumah yang kini menikmati kediaman yang lebih selamat dan selesa.

31. Pembangunan ini tidak boleh berhenti setakat siapnya rumah tersebut; ia mesti **dikongsikan kepada jutaan rakyat di luar sana**, agar mereka tahu bahawa KKDW ialah kementerian yang benar-benar **membawa makna dalam kehidupan mereka**.

PENUTUP : MENGORAK 2026 DENGAN SATU TEKAD

Warga KKDW yang saya kasihi,

32. Menjelang penutup tahun ini, marilah kita bermuhasabah dengan hati yang terbuka. Perjuangan kita belum selesai. Selagi ada desa yang menantikan pembangunan, selagi ada keluarga yang mengharapkan peluang baharu — tugas kita belum berakhir.

33. Pada pemukiman kita awal tahun nanti, dan **Pelan Strategik KKDW 2026–2030** yang akan saya lancarkan, saya mahu segala yang saya tekankan hari ini benar-benar diterapkan dalam tindakan.

34. *We have done well in 2025 but 2026 is even crucial for us*. Marilah kita melangkah ke tahun baharu ini dengan semangat yang diperbaharui, iltizam yang diperkukuh, dan tekad yang lebih mantap untuk mengangkat martabat masyarakat desa.

35. Terima kasih atas segala pengorbanan, keringat dan masa yang saudara-saudari curahkan termasuk waktu yang ditinggalkan daripada keluarga semuanya demi memastikan masyarakat desa terus terbela. Moga Allah mengurniakan kekuatan, keberkatan dan kejayaan kepada kita semua. **InsyaAllah.**

Sekian, terima kasih.